

# **Disebalik Probabiliti**

## **MESEJ ALLAH DIDALAM MATEMATIKA**

**Oleh ABDULLAH ARIK**

---

### **PRAKATA**

Perdebatan ini tidak akan menguntungkan jika ianya tidak membawa kita kepada mensyukuri kebijaksanaan Pencipta kita, dan ilmu pengetahuan dari Pengarang bagi dunia ini, yang mana pada mulanya telah mencipta dunia ini dari tiada lalu mewujudkan kesemuanya didalam perangkaan, pengukuran dan pertimbangan, lantas masa dan umur bagi manusia dapat dirumuskan yang sains telah menerangkan dengan penuh kesegaran dan ketakjuban apabila kita mempelajarinya. Hrovista of Gandersheim (1980 AD).

Kesemuanya kita pada satu ketika, telah terdorong kepada pemikiran yang mendalam tentang ciptaan. Soalan seperti apakah tujuan kehidupan kita dan kewujudan Allah, telah membuat seseorang berfikir dari zaman kezaman. Tentunya sentiasa ada orang orang yang memilih dengan secara kebetulan untuk meintepritasikan keharmonian dan kosmos alam semula jadi, tetapi jika direnungkan lebih dekat lagi dapat memberikan bukti yang terang tentang reka bentuk, dan juga perekanya. Penemuan telah terdapat disemua perbatasan yang menjadikan gambaran ini lebih nyata dari hari kehari.

Kebanyakan kontemporari para ahli sains adalah agnostik. Jika mereka menyokong tentang kepercayaan beragama, mereka mengasingkan kefahaman sains dan kefahaman agama mereka dalam kehidupan mereka. Menurut pandangan saintifik menganggarkan yang bidang matematika adalah sebagai contoh yang terpenting dimana penyebabnya amatlah tinggi, dimana emosi tidak mendapat tempat, dan dapat kita ketahui dengan tepat, dan tahu apa yang mesti kita ketahui; dimana kebenaran hari ini akan menjadi kebenaran bagi hari esok. Dari itu, pandangan para ahli sains, semua agama adalah sama kerana semuanya tidak mempunyai keupayahan untuk menentusahkan ataupun dijustifikasikan.

Untuk membuktikan faktanya, biarpun ianya dari undang undang fizik ataupun Rukun Sepuluh (Ten Commandments) dari Taurat, perlu diberikan bukti. Bukti pada dasarnya yang penyataannya adalah benar disebalik keraguan. Ianya adalah berkenaan pengesahan dan pengakuan. Itu adalah penutup bagi autoriti, bagi kekuatan matematika, sebagai elektrik voltan, yang memberi tenaga kepada kenyataan yang tegas bagi statik tentang sebarang subjek. Lantaran itu bukti menjadikan penyebab perayaan kuasa yang tulen.

Bukti adalah satu prosedur dimana saranan berkenaan realiti tanpa kelihatan dapat dimantapkan akhirnya melalui proses deduktif dan membuat kesimpulan, lantas menjadikan diterima oleh semua. Berkenaan soalan matematika hanyalah boleh diberikan jawapan yang tetap, maka ahli matematika yang menggunakan cara yang berlainan, bekerja diberlainan centuri dan tempat akan mendapatkan jawapan yang sama. Lantas, bukti matematika tidak akan terjejas melalui masa dan tempat. Galileo menyatakan yang matematik adalah bahasa dimana Allah menulis tentang alam semesta. Sekarang ini telah menjadi fakta yang demonstrasikan. Alam semesta telah melahirkan dirinya dengan semula jadi didalam bahasa matematik. Kekuatan graviti menghilang sebagai kuasa kedua tentang ukur jarak, planet planet bergerak mengililingi matahari didalam elips elips, dll. Lantas matematika adalah simbolik yang bersaing bagi alam semesta. Ianya adalah sains bagi kuantiti dan tempat, corak dan struktur. Ianya adalah metodologi dimana hipotesis mendahului dari membuat kesimpulan.

Matematika mempunyai bukti yang tidak boleh dinafikan tentang subjek yang didalam pertimbangan. Ianya membena setiap struktur untuk dunia, mengandungi bukti yang sah disepanjang masa. Matematika mempunyai bentuk yang penting terhadap semua bahagian sains, sebagai contoh, perubatan, astronomi, fizik, kejuteraan, sociologi dan psikologi.

Matematika adalah ilmu sains yang tidak terhad. Keutamaannya adalah simbolik komprehensif yang tidak terhad dengan manusia saja, itulah ketidak batasannya, yang dimaknakan. Sekarang ianya adalah teori yang telah dihuraikan dengan teliti dimana dapat diumumkan berkenaan sifat Allah dan perhubungan Allah dengan manusia.

Ini adalah zaman sains dan sebab sebabnya. Amatlah mustahil bagi para intelektual untuk menerima kewujudan Allah ataupun punca ketuhanan disetiap agama dengan membuta tuli. Kita perlukan bukti dari Allah sendiri, jika memang sebenarnya apa yang Dia katakan kepada kita berkenaanNya dengan menyatakan Dia adalah yang Maha Mengetahui lagi Maha Berkuasa, tentunya Dia dapat memberikan kita bukti bukti yang lebih dari cukup.

Kitab yang masih lagi disimpan dengan keseluruhan didalamnya dengan bahasa asalnya adalah Kitab Akhir (Quran). Ia adalah fakta yang sebenar sesungguhnya Taurat yang asli bagi para nabi Israil telah hilang, dan kita tidak mempunyai Injil dari Isa melainkan pengikut pengikutnya, dan tidak juga kita mendapatkan kitab kitab asli bagi penganut Hindu ataupun Budha. Apa yang kita punyai sekarang adalah penulisan dari manusia yang mengaku mereka itu tahu akan kitab aslinya.

Kitab Akhir telah dimasukkan kekomputer pada tahun 1970 puluhan. Unik fenomena telah ditemukan dimana tidak pernah terjumpa disebarang kitab. Bukti yang tidak boleh dinafikan langsung timbul bahwa bahasa asli bagi revelasi telah tertulis secara yang dapat melaraskan kepada kompleksnya corak matematika. Sepanjang penemuan ianya telah membuktikan yang setiap elemen didalam buku ini adalah berkomposisikan matematika - surah surah, ayat ayat, perkataan perkataan dan nombor

nombor bagi sesuatu huruf huruf, dan nombor juga beberapa nama nama suci, ejaan yang unik bagi sesuatu perkataan perkataan, dan banyak lagi elemen yang lain. Oleh kerana kod matematika yang komprehensif, walaupun sedikit putar belit tentang teks ataupun pengaturan fizikalnya dengan segera dapat dikenal pasti. Komposisi matematika meninggalkan tidak ada keraguan sebagai punca suci. Nombor nombor tidak boleh tertipu. Dalam perkembangan ini, Abdullah Arik telah menonjolkan gambaran yang cukup bagi kod ini yang berpotensi kepada tujuan ini. Parameter baru dapat meneruskan dengan penemuan yang terus meningkat.

Saudara Arik amatlah cekap dan berkelulusan untuk tugas ini. Dia telah menyumbang kepada penemuan ini yang telah dipelupuri oleh seorang lelaki yang asalnya menemukan kodnya didalam 1970 puluhan, Dr Rashad Khalifa. Dr. Rashad Khalifa telah menyediakan pada mulanya pengajian saintifik yang membawanya kepada penemuan tentang kod ini dengan sebab latihan yang ketat sebagai ahli biokimia PhD. Latar belakang bagi saudara Arik pula, dia adalah seorang pakar perunding kejuteraan geostatistik, pelombongan dan penerapan komputer, telah memberinya ilmu dan sains untuk mengandalakan objektif untuk menyiasat tentang kod ini lebih lanjut. Penyiasatannya bersama sama dengan yang lainnya telah menghasilkan keputusan yang mengagumkan.

Matematika, sains yang tidak terhad itu, telah membuka salah satu dari mukjizat yang terbesar sekali yang telah diketahui oleh manusia, lantas memberikan bukti yang mutamad disebalik keraguan berkenaan kewujudan Allah yang satu dan mesejNya kepada manusia.

Shakira Karipenemi, MD.

## PENDAHULUAN

**Matematika adalah bahasa dimana Allah tuliskan kepada alam semesta**

**Galileo (1564-1642 AD)**

Bagi beberapa tujuan didalam kehidupan mereka, setiap orang berupaya memikirkan dan merenungkan tentang ciptaan bagi diri diri mereka sendiri, dan segala apa yang mereka lihat disekeliling mereka, dan kewujudan penciptanya. Ini adalah sifat semula jadi manusia untuk merenungkan asal dan sebab kewujudan mereka. Bagi beberapa penerangan yang diperolehi oleh mereka melalui agama yang dianuti sebagai penerangan yang cukup, sementara ada juga yang berpuas hati dengan teori bahwa kehidupan berkembang diplanet kerana disebabkan oleh sesesuatu keadaan. Bagaimana pun, kebanyakan manusia, termasuk diantara yang percaya kepada para doktrin agama ataupun saintifik teori, yang meragukan, mungkin tidak menyedari, akan penerangan yang diberikan kepada mereka. Walaupun mereka melayani beberapa soalan yang tidak terjawab difikiran mereka, kebanyakan manusia ini mengikut kepihak ramai - menyekat keraguan dan soalan mereka. Hanya sedikit saja yang aktif demi untuk mencari kebenaran dan cuba menjawab soalan mengikut jangka umur yang diutarakan.

Bagi kebanyakan manusia berturutan, memahami bahwa keharmonian dan ciptaan yang sempurna bagi setiap sesuatu disekeliling mereka menjadikan mustahil untuk mempercayai teori evolusi dengan tidak ada penciptanya. Lantas, mereka berfahaman seperti Professor Edwin Conklin yang pernah berkata, "**Probabili bagi kehidupan yang berasal dari kecelakaan adalah disamakan sebagai probabiliti bagi Kamus lengkap yang disebabkan letupan didalam kilang pencetakan.**" Namun apabila orang orang ini berbalik kepada agama, mereka sedar kebanyakan dari soalan mereka tidak terjawab. Tambahan pula, terdapat banyak kefahaman agama yang berlainan, setiap dari mereka mengajar dengan cara mereka sendiri. Ini telah menyebabkan pemilihan yang sangat payah. Hari ini semua agama tidak menitik beratkan melainkan cara tradisi mereka itu adalah fakta yang sebenar, disebabkan mereka telah kehilangan mesej asal dari masa kemasa. Demikian halnya didalam agama maka timbullah korupsi yang disebabkan oleh ego dan cara mereka mengada adakan pendapat yang diatributkan kepda agama demi untuk memanfaatkan agenda politik dan ekonomi mereka. Oleh kerana ini, orang orang yang ingin untuk kembali kepada asas agama telah dikira sebagai terkeluar dari masyarakat.

Ramai dari kita yang berfikir berkenaan kewujudan Allah akan terhurai jika kita dapat menyaksikan mukjizat dari Allah, sebagaimana yang ditunjukkan oleh Musa dan Isa yang kita baca kesahnya didalam kitab kitab. Mungkin kita akan beranggapan bahwa tidaklah adil bagi generasi kita kerana Allah tidak turunkan mukjizat lagi. Namun demikian, marilah kita fikirkan dengan serius, dengan adanya semua cara saintifik dan teknologi yang terkemuka sebagaimana yang kita punyai pada masa kini, siapakah dapat lagi menerima mukjizat cara kolot untuk memulihkan penyakit umpamanya, ataupun menghidupkan simati? Tentunya akan menjadi lebih logik lagi pada sisi Allah dengan menghantarkan mukjizat yang boleh diterima oleh akal dan cara kehidupan manusia dizaman ini.

Kekurangan mukjizat modern telah bercanggahan idea tentang Allah yang Maha Bijaksana. Ini telah memberikan kita tanggapan yang Allah tidak menyesuaikan cara tengkatan pemikiran kita. Adakah Allah hanya layak untuk memberikan mukjizat mukjizat yang mudah mudah saja, ataupun hanya kepada yang berfikiran kolot saja? Adakah Allah hanya memberikan mukjizatNya kepada bilangan kecil manusia saja, sementara generasi kita telah mempunyai bilangan yang terbesar, dan akan lebih banyak lagi generasi generasi yang mendatang?

Kita hidup dizaman sains dan komputer. Kita beranggapan yang kita ini adalah dari kalangan para intelektual yang tidak mudah dapat menerima idea idea yang tidak diiringi dengan bukti bukti yang tidak dapat ditentusahkan. Sebaliknya, kita menerima kefahaman dari kebanyakan masyarakat yang menentang pemikiran yang logik. Kita merasa bangga kerana kita mempunyai pengetahuan yang lebih dari ibu bapa dan keturunan kita berkenaan sains dan teknologi. Kita bersedia untuk menerima apa yang lebih baik dan lebih canggih dari apa yang telah dipunyai oleh ibu bapa ibu bapa kita. Namu demikian ramai juga diantara kita yang tidak teragak agak untuk mengikuti orang tua kita dengan membuta tuli berkenaan agama yang dianuti, walaupun ini bermakna melakukan sesuatu yang kadang kala kita sendiri tidak mempercayainya.

Objektif buku ini adalah untuk mengutarakan kepada pembaca tentang sistem matematika yang tersimpan didalam kitab Allah. Sistem matematika ini sungguh berjaln, sungguh menyeluruh dan berkembang dengan cepat diseluruh kitab ini dan ianya adalah disebalik probabiliti apa yang dikatakan sebagai cara kebetulan ataupun dari ciptaan manusia, membuktikan ketulenannya dan dari itu menunjukkan kewujudan Allah. Pembinaan sistem baru ini telah diistiharkan melalui komputer analisis bagi teks asalnya iaitu Quran. Ini adalah kesempatan yang tepat sekali bagi manusia yang ingin untuk menguatkan kepercayaan mereka kepada Allah, dan yang tidak mahu menerima sesuatu kefahaman dengan cara membuta tuli. Dengan kitab ini dan bukti fizikalnya, gambaran lebih nyata telah menjadi ketara: Hanyalah Allah yang Esa yang kekal, yang Maha Mengetahui dan Maha Penyayang. Allah yang Satu yang menguasai segala galanya walau sekecil mana sekalipun disekeliling alam semesta, dan yang boleh menunjukkan diriNya kepada semua.

## BUKU YANG UNIK

Kita dapati banyak kitab-kitab pada masa ini. Taurat bagi orang-orang Yahudi, Injil bagi orang-orang Kristian, dan Gita bagi orang-orang Hindu dan banyak lagi. Melihat dari dekat dapat memberikan kita cahaya penerangan yang faktanya kesemua kitab-kitab ini telah diterjemahkan dan kitab aslinya telah hilang melalui masa. Kitab yang masih lagi asli dan lengkap dengan bahasa asal revelasinya adalah Quran. Quran telah mengajarkan agama yang Hanya Menyerahkan diri diri dengan Sepenuhnya Kepada Allah Sahaja (Islam) dan ianya juga menetapkan yang ianya adalah Kitab Terakhir; tidak ada lagi lain kitab dari Allah. Malahan lebih lagi istimewa, Quran telah datang dengan sistem pembenaan matematika yang dapat membuktikan kesuciannya.

Walaupun Quran menyarankan yang ianya adalah untuk semua manusia bagi semua generasi, kebanyakan manusia menganggapnya sebagai kitab untuk orang-orang yang beragama Islam saja. Ini adalah penyebab yang besar bahwa orang-orang Islam diseluruh dunia sekarang mengamalkan agama mereka yang berlainan dari apa yang diajarkan didalam Quran. Islam yang sebenarnya telah tertanam dibawah pail diatas pail kepada tradisi dan pendapat manusia yang mereka rekakan untuk memperoleh kekuatan agenda politik dan ekonomi mereka. Apa yang dilihat oleh orang-orang Barat berkenaan Islam adalah tidak lain melainkan reka-rekaan dan kepercayaan yang salah cara pengamalan yang mereka lakukan diatas nama agama. Mereka tidak mengamalkan apa yang ditunjukkan didalam Quran. Ini adalah analogi apabila dilihat kembali yang telah mencerminkan bahwa keinginan untuk mengekalkan keasliannya tidak dapat dikenal pasti.

## KITAB YANG BUKAN SEBARANGAN

Quran dengan terangnya telah menunjukkan amalan dan petunjuk untuk agama bagi Penyerahan Diri Kepada Allah Sahaja (Islam). Ianya menyarankan Persatuan yang Univesal kepada semua manusia dibawah Satu Tuhan, yang Dia adalah Pencipta. Ianya menghormati manusia walau apapun agama mereka, dan menjanjikan keselamatan selagi mereka mengamalkan kebenaran dan menyembah hanya Penciptanya sahaja. Pandangan univesal Quran ini telah dinyatakan diayat berikut:

Tentu sekali, orang-orang yang percaya, orang-orang Yahudi, Kristian, dan muallaf; sesiapa saja yang

- (1) percaya kepada Allah,
- (2) percaya kepada Hari Akhirat
- (3) menjalani kehidupan yang benar,

akan mendapatkan ganjaran dari Tuhan mereka; mereka tidak akan merasa takut dan tidak juga mereka itu akan bersedih. (2:62)

Perkataan "Islam" telah diambil dari asal bahasa Arab "SLM" yang bermakna, diantara lainnya, sejahtera, kesucian, penyerahan dan ta'at. Dalam bahasa agama yang digunakan didalam Quran, perkataan "Islam" bermakna penyerahan dan pengabdian yang sepenuhnya kepada Allah Sahaja. Begitu juga, perkataan Muslim yang digunakan didalam Quran untuk menyifatkan orang orang yang menyerahkan dirinya kepada kehendak Allah, dan mengabdikan penyembahannya dengan sepenuhnya kepadaNya sahaja. Quran mengaggap Ibrahim, Musa, Isa, Muhammad, dan semua para rasul dan para nabi yang lainnya, sebagai orang orang yang menyerahkan diri mereka sepenuhnya kepada Allah Sahaja (Islam) termasuk orang orang percaya yang lainnya. Dari itu, walaupun amalan bagi setiap agama berlainan, ramai Yahudi yang menyerahkan diri mereka kepada Allah sahaja begitu juga dengan orang orang Kristian dan Muslim, dan sebagainya. Mengikut ajaran dari kitab kitab, hanya satu saja agama disisi Allah iaitu mengabdikan diri sepenuhnya kepada Allah Sahaja (Islam). Ini adalah perintah yang utama dari kitab Taurat (Old Testment), Injil (New Testment) dan Quran (Final Testment).

## INFORMASI ASAS

Quran mengandungi 114 surah. Teks aslinya didalam bahasa Arab. Ayat yang paling pendek didalam Quran hanyalah tiga ayat ayat. Bagaimana pun surah yang terpanjang mempunyai 286 ayat ayat. Surah surah yang terdahulu lebih lebar lagi, kecuali surah pembukaan. Surah surahnya menjadi pendek diakhir akhir buku. Rajah 1 menunjukkan nama nama 114 surah dengan nombor ayat ayatnya.

Quran adalah sebuah buku yang unik, dan ada beberapa surah surahnya bermula dengan huruf huruf, ataupun sekumpulan huruf huruf melainkan bagi teks biasa. Huruf huruf ini telah dipanggil sebagai huruf huruf permulaan, dan surah surah yang bermula dengan huruf huruf permulaan akan dipanggil huruf huruf permulaan bagi surah surah disepanjang buku ini.

Ianya mengandungi 29 surah surah yang mempunyai huruf huruf permulaan didalam Quran. Surah surah ini tidak terdapat disebareng susunan yang berturut turut. Surah pertama yang berhurufkan permulaan adalah Surah 2, dan surah akhir yang mempunyai huruf huruf permulaan adalah surah 68. Ada dari surah surah ini mengandungi huruf huruf permulaan yang sama, ataupun sebahagian dari sekumpulan huruf huruf permulaan yang digunakan disurah yang lain. Kesemuanya berjumlah 14 set yang berlainan bagi huruf huruf permulaan yang berasalkan 14 set huruf huruf Arab. Rajah 2 menunjukkan 29 surah surah yang berhurufkan permulaan yang secukupnya dengan menggunakan huruf huruf permulaan. Dirajah ini, hanyalah huruf huruf Romanise digunakan untuk menyamakan bunyian dengan perkataan Arab. contoh huruf huruf Arab vs Romanise yang sangat berdekatan bunyinya digunakan dimuka surat selanjutnya.

**Rajah 1. 114 surah surah didalam Quran dengan nombor ayat ayatnya sekali**

No. Surah	Ayat x 2	Surah x 2	No. Surah	Ayat x 2	Surah x 2
1	7	Al-Fateha (Kunci)	58	22	Perdebatan
2	286	Sapi Betina	59	24	Pengusiran Beramai-ramai
3	200	Keluarga Imran	60	13	Ujian
4	176	Perempuan	61	14	Barisan
5	120	Hidangan	62	11	Juma'at
6	165	Binatang Ternakkan	63	11	Orang-orang hipokrit
7	206	Tempat Penungguan	64	18	Saling Menuduh
8	75	Harta Rempasan	65	12	Penceraian
9	127	Memberi Kata Putus	66	12	Larangan
10	109	Yunus	67	30	Yang Menguasai Kerajaanx2
11	123	Hud	68	52	Pena
12	111	Yusof	69	52	Tidak Boleh Dipertikaikan
13	43	Guruh	70	44	Ketinggian
14	52	Ibrahim	71	28	Nuh
15	99	Lembah	72	28	Jin
16	128	Lebah	73	20	Yang Berselubung
17	111	Keturunan Israil	74	56	Rahsia Tersembunyi
18	110	Gua	75	40	Hari Kebangkitan
19	98	Maryam	76	31	Manusia
20	135	Taa Haa	77	50	Perhantaran
21	112	Para Nabi	78	40	Peristiwa
22	78	Menunaikan Haji	79	46	Peragut
23	118	Orangx2 yang Percaya	80	42	Berkerut Dahi
24	64	Cahaya	81	29	Menggulung
25	77	Buku Perundangan	82	19	Menghancurkan
26	27	Penyair-penyair	83	36	Para Penipu
27	93	Semut	84	25	Perpecahan Anginx2
28	88	Sejarah	85	22	Bimasakti
29	69	Labahx2	86		
30	60	Orangx2 Rom	87	19	Yang Maha Sakti
31	34	Luqman	88	26	Peristiwa Yang Amat Sangat



32	30	Sujud	89	30	Subuh
33	73	Parti Paarti	90	20	Bandar
34	54	Sheba	91	15	Matahari
35	45	Yang	92	21	Malam
		Meiniasikan			
		Ciptaan			
36	83	Ya-Sin	93	11	Pagi
37	182	Penyusunx2	94	8	Mengawal
					Perasaan
38	88	Sad	95	8	Buah Tin
39	75	Kumpulan Orang	96	19	Embrio
40	85	Pengampunan	97	5	Destini
41	54	Perincian	98	8	Bukti
42	53	Perundingan	99	8	Gempa
43	89	Barangx2	100	11	Berlari Kencang
		Perhiasan			
44	59	Asap	101	1	Memeranjatkan
45	37	Belutut	102	8	Mengumpulkan
46	35	Bukit Pasir	103	3	Petang Hari
47	38	Muhammad	104	9	Pengumpat
48	29	Kemenangan	105	5	Gajah
49	18	Dindingx2	106	4	Kaum
50	45	Q	107	7	Derma
51	60	Pegerakx2	108	3	Kemewahan
52	49	Bukit Sinai	109	6	Pengingar
53	62	Bintangx2	110	3	Kemenangan
54	55	Bulan	111	5	Durix2
55	78	Yang Maha	112	4	Dengan Segala
		Penyayang			Kebenaran
56	96	Tidak Boleh	113	5	Matahari
		Dielakkan Lagi			
57	29	Besi	114	6	Manusia

Rajah 1. 29 surah surah yang mempunyai huruf huruf permulaan, nombor bagi ayat ayat didalamnya, dan huruf huruf permulaan diawal surah surah ini

No. Surah	No. Ayatx2	Tajuk Surah	Hurufx2 Permulaan Quran
2	286	Sapi Betina	A.L.M.
3	200	Keluarga Imran	A.L.M.
7	206	Tempat Penungguan	A.L.M.S.
10	109	Yunus	A.L.R.
11	123	Hud	A.L.R.
12	111	Yusuf	A.L.R.
13	43	Guruh	A.L.M.R.
14	52	Ibrahim	A.L.R.
15	99	Lembah	A.L.R.
19	98	Maryam	K.H.Y'A.S

20	135	T.H.	T.H.
26	227	Penyair Penyair	T.S.
27	93	Semut	T.S.
28	88	Sejarah	T.S.M.
29	60	Labah labah	A.L.M.
30	60	Orangx2 Rom	A.L.M.
31	34	Luqman	A.L.M.
32	30	Sujud	A.L.M.
36	83	Y.S	Y.S
38	88	S.	S.
40	85	Pengampunan	H.M.
41	54	Perician	H.M.
42	53	Perundangan	H.M.'A.S.Q
43	89	Barangx2 Perhiasan	H.M.
44	59	Asap	H.M.
45	37	Belutut	H.M.
46	35	Bukit Pasir	H.M.
50	45	Q.	Q.
68	52	Pena	NuN

Nota: Semua huruf huruf permulaan disebut diayat pertama bagi surah surah ini melainkan surah 42. Disurah ini, dua huruf huruf permulaan yang pertama disebut didalam ayat pertama, tiga yang lain - huruf huruf permulaan diayat kedua.

Sejak revelasi Quran, ramai para ulamak yang mempelajari Quran, tidak berjaya untuk memahami keistimewaan huruf huruf permulaan dan permulaan surah surah. Bagaimana pun, keistimewaannya yang telah menjadi misteri itu barulah diketahui hari ini.

## PENEMUAN SISTEM MATEMATIKA

Seorang Mesir - Amerika ahli biokimia dan cendekiawan Islam, Dr. Rashad Khalifa, telah mula menterjemahkan Quran kedalam bahasa Enggeris pada mula 1970 puluhan. Dia bercadang untuk mencari jawapan berkenaan huruf huruf permulaan Quran yang misteri itu. Dengan adanya keazaman ini, dia membuat penyelidikan yang terperinci dengan meletakkan Quran teks dengan huruf huruf permulaan disurah surah didalam komputer. Objektifnya ialah untuk mencari corak matematika yang boleh menerangkan keistimewaan huruf huruf ini, walaupun dia tidak mempunyai idea dimana dan apa yang mesti dicari. Selepas beberapa tahun dalam penyelidikannya, Dr. Rashad Khalifa telah menerbitkan penemuan pertamanya didalam buku yang berjudul MIRACLE OF THE QURAN: Keistimewaan Bagi Abjad yang Misteri ditahun 1973. Walaupun penemuannya menunjukkan kekerapan untuk membetulkan tentang huruf huruf permulaan itu sendiri, dia tidak mengaitkan kekerapan ini kepada penyebut biasa. Pada bulan January 1974, dia telah mengenali angka 19

sebagai penyebut biasa didalam huruf huruf permulaan dan keseluruhan Quran.

Berterusan dengan mengadakan penyelidikan selepas penemuan ini telah membuka kerumitan sistem matematika yang telah merebak keseluruh Quran dan yang telah menguasai disetiap elemen yang berada didalamnya (Khalifa , R, 1981 dan 1989). Sistem matematika yang menakjubkan ini akan diberikan penerangan dengan penerbitan bersiri untuk dijadikan sebuah buku.

## Reka Bentuk yang Menakjubkan

Keseluruhan teks Quran ini adalah merupakan komposisi matematika dengan kerumitan yang menakjubkan. Asas bagi sistem matematika ini adalah nombor 19. Kaedah bagi setiap elemen didalam Quran adalah nombor 19 sebagai penyebut biasa. Sistem matematika didalam Quran mempunyai tahap kompleksiti yang berbagai bagai. Ianya termasuk nombor nombor yang terus terang ataupun mudah didapati. Ianya juga termasuk nombor nombor yang mungkin memerlukan komputer untuk diprogramkan untuk menentusahkan sama ada ianya boleh dibahagikan kepada 19. Dari itu, bukan saja orang orang yang mempunyai kecekapan saja berkebolehan tentang matematika untuk mengenalinya, bahkan orang orang yang hanya boleh mengira dengan mudah pun dapat mengenal akan asas 19 sistem matematika yang tersimpan didalam Quran.

### CONTOH CONTOHNYA

Satu dari cara terus terang dan aspek yang nyata bagi reka bentuk Quran adalah nombor bagi elemen dan nombor bagi sebutan perkataan perkataan yang utama didalamnya. Beberapa contoh contoh termasuk:

1. Nombor bagi surah surah didalam Quran adalah 114, ataupun  $19 \times 6$ .
2. Total nombor ayat ayat didalam Quran adalah 6,346, ataupun  $19 \times 334$ .
3. Perkataan "Allah" disebut didalam Quran 2,698 kali, ataupun  $19 \times 142$ .
4. Jumlah bagi semua nombor nombor ayat dimana perkataan "Allah" disebut adalah 1188,123 ataupun  $19 \times 6,217$ .

Aspek yang lain bagi reka bentuknya adalah nombor sebutan bagi huruf huruf permulaan diatara permulaan surah surah. Semua huruf huruf permulaan ini disebut disurah surah berkenaan yang dapat dibahagikan kepada 19, apabila dianggarkan sebagai set individu. Contohnya, ada dua surah yang berhurufkan permulaan dengan Q. Nombor sebutan bagi huruf Q disetiap surah surah ini adalah 57 ataupun  $19 \times 3$ .

Ada juga aspek lain bagi reka bentuk yang memerlukan kerja yang lebih kerana melibatkan nombor nombor yang banyak, walaupun operasi ini tidak lain hanyalah campuran ataupun pembahagian yang mudah. Contohnya, jumlah bagi nombor ayat ayat disetiap 114 surah didalam Quran, dicampurkan dengan jumlah bagi setiap satu nombor ayat didalam semua surah surah adalah 339,644 ataupun  $19 \times 17,876$ . Banyak nombor nombor perlu dicampur kesemuanya untuk mendapatkan keputusannya

Jika kamu berfikir untuk mencampurkan ribuan nombor nombor kesemuanya itu adalah suatu tugas yang susah, bagaimana tentang membahagikannya? Aspek reka bentuk ini melibatkan penyusunan nombor nombor semuanya dan dibahagikan dengan 19. Berbalik kepada contoh

yang lalu, jika kita mengambil nombor nombor sama yang diringkaskan, dan meletakkannya bersebelahan, dari mula hingga akhir surah, kita memperoleh 12,692 nombor digit. Nombor digit bagi 12,692 ini sendiri boleh dibahagikan kepada  $19 \times 668$ . Tetapi lebih lagi mustahak, keseluruhan 12,692 nombor digit adalah juga dibahagikan kepada 19. Dengan ini maka untuk memprogramkan komputer diperlukan, kerana operasi begini tentunya mustahil dilakukan dengan perkiraan tangan saja.

## NILAI GEMATRIKAL

Aspek yang lain bagi reka bentuk matematika didalam Quran adalah dengan Menggunakan nilai gematrikal dalam huruf huruf Arab. Nilai gematrikal bagi huruf huruf adalah dengan menggunakan nilai berangka yang ditugaskan kepadanya. Apabila Quran diturunkan, empat belas centuri yang lalu, nombor nombor yang kita ketahui hari ini belum ada lagi. Malahan, ada sebuah universiti yang menerima sistem berangka dimana huruf huruf abjad Arab, Hebru, Aramik dan Greek telah digunakan. Nombor yang ditugaskan kepada setiap huruf telah dianggap sebagai nilai gematrikal. Rajah 4 memberikan nilai gematrikal bagi huruf huruf didalam abjad Arab, yang mana telah disusun didalam susunan asal. Susunan bagi huruf huruf abjad Arab dizaman modern ini sedikit berlainan. Juga ditunjukkan diRajah yang sama, huruf huruf romanise yang sama bunyinya dengan huruf huruf abjad Arab telah ditunjukkan dibawah. Fonts yang terang menunjukkan huruf huruf yang mempunyai tekanan suara yang mendalam.

Rajah 4. Nilai gematrikal bagi abjad Arab.

								ا
ي	ط	ح	ز	و	ه	د	ج	ب
10	9	8	7	6	5	4	3	2
ق	ص	ف	ع	س	ن	م	ل	ك
100	90	80	70	60	50	40	30	20
غ	ظ	ض	ذ	خ	ث	ت	ش	ر
1000	900	800	700	600	500	400	300	200

## FINOMENA YANG SAMA DIDALAM KITAB KITAB YANG TERDAHULU?

Komposisi matematika bagi sebuah kitab mungkin tidak seekklusif Qur'an. buku yang berjudul Studies in Jewish Mysticism (Dan, J. dan Talmage, F.,eds, 1982), ada memberi keterangan yang Rabbi Judah, the Pious, pada 12<sup>th</sup> centuri AD, mengenali asas 19 struktur yang berangka disembahyang pagi. Berikut ini adalah petikan yang diambil dari muka surat 88 dan 89 dari buku tersebut:

Orang orang [Yahudi] diFrance menjadikan adat untuk menambahkan [didalam sembahyang pagi] dengan perkataan perkataan: " 'Ashrei termimei derekh [diberkati adalah orang orang yang menuju

kejalan yang benar]," dan Rabbi kita, the Pious, yang dirahmati dengan ingatan, menuliskan yang mereka itu betul betul salah sepenuhnya. Itu semuanya adalah penipuan yang terbesar, kerana adanya sembilan belas kali yang nama Suci telah disebutkan [dibahagian sembahyang pagi]... dan begitu juga kamu akan mendapati perkataan 'Elohim sembilan belas kali dipericope Bagi Ve-'elleh shemot... begitu juga, kamu akan dapati yang Israil telah dipanggil "anak anak" sebanyak sembilan belas kali, dan banyak lagi contoh contoh. Kesemua set set ini adalah kerumitan yang terjalin pada angka sembilan belas, dan terdandung banyak rahsia rahsia dan makna makna yang dapat difahami....

## KENAPA 19?

Kod matematika bagi kitab kitab yang bernomborkan 19 membuatkan seorang berfikir tentang kemuliaan dengan menggunakan nombor 19 daripada nombor yang lain. Disebalik mempunyai pemilikan yang dikaitkan dengan matematika yang unik, dimana ianya adalah nombor utama, nombor 19 mempunyai nilai gematrikal bagi perkataan "SATU" didalam semua bahasa kitab iaitu Aramik, Hebru, dan Arab. Contohnya, dalam bahasa Arab, perkataan "SATU" adalah "WAHD" (disebut Waheed). Mengikut Rajah 4, nilai gematrikal bagi huruf huruf W,A,H,dan D adalah 6,1,8, dan 4, setiap masing masing. Nombor nombor ini jika dicampurkan menjadi 19 ( $6+1+8+4=19$ ).

Dari itu, nombor 19 boleh dilihat sebagai tanda yang penting tentang perintah perintah yang pertama didalam semua kitab kitab yang menyatakan Allah hanya SATU.

## KESIMPULANNYA

Penemuan struktur matematika diantara kitab kitab dan institut liturgi yang suci telah membuahkan beberapa kesimpulan yang mustahak. Beberapa dari kesimpulan ini telah dinyatakan didalam Studies ini Jewish Mysticism (Ibid., p.92):

- (1) Tidak ada tolerensi didalam tek sembahyang walaupun seminit, kerana setiap penukaran- walaupun satu huruf- akan merosakkan keharmonian berangka yang terdapat didalam tek....
- (2) Liturgi menerima rangka bentuk agama dengan keperluan yang baru juga makna yang baru untuk dipraktikkan. Dimensi yang cukup baru ini telah dibuat dengan cara begini untuk servis pada sembahyang harian; dan telah berhenti hanya untuk membacakan permintaan bagi mengagungkan Allah dalam formula purba, dan menjadi penyampai kepada peserta peserta yang condong kepada mistik, harmoni mulia. Tiba tiba saja sembahyang sembahyang memperolehi makna dan keperluannya, dimana tidak termimpi tentangnya beribu ribu tahun yang telah berlalu sejak ianya diformulakan.

**Tek komposisi matematika didalam sebuah kitab dapat digunakan sebagai perkakas yang tulen dan juga sebagai penjaga bagi melindungi dan mengekalkan kitab. Tentunya, mencari kitab yang belum diubahsuaikan seperti Quran amatlah perlu. Fakta yang sebenar adalah dengan mendapat kesedaran dan terbukti dengan adanya keajaiban matematikan yang telah diaturkan didalam Quran.**

**Berikutan dari buku ini, para pembaca akan ditunjukkan dengan fakta fizikal, bukannya pendapat. Segala usaha telah dilakukan untuk menentusahkan ketepatannya dari fakta fizikal ini. Bagaimanapun, terpulanglah kepada pembaca untuk menentusahkan berapa yang boleh, dan juga merenungkan tentangnya. Sebenarnya, ini adalah nasihat yang kuat telah diberikan didalam Quran itu sendiri: "Jangan sekali kamu menerima sebarang informasi, melainkan kamu menentusahkannya sendiri. Aku telah memberikan kamu pendengaran, penglihatan, dan akal, dan kamu bertanggungjawab untuk menggunakannya." (17:36).**

## Pembukaan Penyataan

Ayat pertama didalam Quran adalah "Dengan Nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang." Didalam bahasa Arab, yang berbunyi Bism Allah Al-Rahman Al-Raheem, dan biasa dikenali sebagai Basmalah.

Basmalah sangatlah istimewa dan unik yang mengandungi penubuhan dimana asas 19 didalam Quran yang terdapat pada komposisi matematika. Ianya adalah pembukaan penyataan bagi Quran, dan mengandungi 19 huruf Arab yang tepat sekali. Huruf huruf ini telah ditunjukkan dibawah pada Rajah 5 dengan menggunakan huruf huruf Romanise yang bertepatan dan juga nilai gematrikalnya sekali.

Rajah 5.19 huruf Arab bagi Basmalah dan berkaitan dengan nilai gematrikalnya.

No. Hurufx2	Arab	Romanise	Nilai Gematrikal
1	Baa'	B	2
2	Siin	S	60
3	Miim	M	40
4	"Alif	A	1
5	Laam	L	30
6	Laam	L	30
7	H!aa'	H	5
8	"Alif	A	1
9	Laam	L	30
10	Raa'	R	200
11	Haa'	H	8
12	Miim	M	40
13	Nuun	N	50
14	"Alif	A	1
15	Laam	L	30
16	Raa'	R	200
17	H!aa	H	8
18	Yaa'	Y	10
19	Miim	M	40

## REKA BENTUK MATEMATIKA BAGI BASMALLAH

Empat perkataan perkataan dan 19 huruf Arab bagi Basmalah dicampurkan kepada sistem matematika yang mustahil dapat dibentuk oleh manusia. Sistem yang istimewa ini adalah berasaskan kepada nombor dan nilai gematrikal bagi huruf Arab yang mengandungi empat perkataan perkataan Basmallah. Pertama sekali mari kita berikan ringkasan informasi yang kita perlukan untuk mengetahui berkenaan Basmalah diRajah 6 sebelum kita teruskan sistem matematika yang sukar untuk dipercayai ini.



Rajah 6. Empat perkataan perkataan Basmallah, Nombor bagi huruf huruf Arab disetiap perkataan, dan nilai gematrikalnya.

No.	Arab	Indo	Hurufx2	Nilai Gematrikal	Total
1	Bism	Dengan Nama	3	2, 60, 40	102
2	Allah	Allah	4	1, 30, 30, 5	66
3	Al-Rahman	Maha Pengasih	6	1, 30, 200, 8, 40, 50	329
4	Al-Raheem	Maha Penyayang	6	1, 30, 200, 8, 10, 40	289
	<b>TOTAL</b>		<b>19</b>		<b>786</b>

Dengan menggunakan data diRajah 5 dan 6, kita akan mendapat asas 19 mengikut fakta matematika:

**FAKTA 1.** Basmalah mengandungi 19 huruf huruf Arab.

**FAKTA 2.** Nombor yang berturut turut bagi tiap tiap perkataan dalam Basmalah diikuti oleh nombor bagi huruf huruf dalam keadaan 8 nombor berdigit dimana adalah dibahagikan dengan 19: 1 3 2 4 3 6 4 6 = 19 x 19 x 36686.

**FALTA 3.** Gantikan nombor huruf huruf didalam setiapa perkataan diFakta 2 dengan total nilai gematrikal bagi perkataan itu. Lantas, nombor yang berturut turut bagi tiap tiap perkataan diikuti dengan total nilai gematrikalnya, untuk membentuk 15 nombor digit yang mana boleh dibahagikan dengan 19:

$$1\ 102\ 2\ 66\ 3\ 329\ 4\ 289 = 19 \times 5801401752331$$

**FAKTA 4.** Gantikan total nilai gematrikal bagi tiap tiap perkataan di Fakta 3 dengan nilai gematrikal bagi tiap tiap huruf pada perkataan itu. Umpamanya, nilai gematrikal bagi perkataan pertama, 102 gantinya dengan 2 60 40. Begitu juga, total nilai gematrikal bagi perkataan kedua, 66, digantikan dengan 1 30 30 5, dan seterusnya. Keputusannya adalah 37 nombor digit dimana juga boleh dibahagikan dengan 19:

$$1\ 2\ 60\ 40\ 2\ 1\ 30\ 30\ 5\ 3\ 1\ 30\ 200\ 8\ 40\ 50\ 4 = 19 \times 66336954226595422109686863843162160$$

**FAKTA 5.** Selitkan **nombor yang berturut turut ditiap tiap huruf** didalam Perkataan sebelum nilai gematrikalnya diFakta 4. Sebagai contoh, nilai gematrikal bagi huruf huruf diperkataan pertama adalah 2 60 40, dimana nombor yang berturut turut adalah didalam bentuk *italik*, nilai gematrikalnya berbentuk tebal. Begitu juga, nilai gematrikal bagi huruf huruf pada perkataan kedua adalah 1 30 30 5. Apabila kita selitkan nombor

